

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 0 8

Taklimat Program Bina Kerjaya Madani

NIK MAHFUZAH NIK MAT & ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF

Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM CNS telah mengadakan satu taklimat berkenaan Program Bina Kerjaya Madani. Program ini adalah tajaan penuh anjuran Airasia Academy dengan kerjasama PERKESO. Seramai 171 orang pelajar diploma semester 1 daripada Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi serta Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik telah menghadiri taklimat program ini pada 21 Oktober 2023 (Sabtu) bertempat di Dewan Kuliah Dato' Johan, Kampus Seremban.

Selain itu, turut hadir lima orang wakil daripada Airasia Academy iaitu Jerry Lok Chuan Ming (Head of Business Strategy and Development), Imran Adly Bin Ahmad Johari (Manager of Business Strategy and Development), Lee Xin Ying (Senior Executive of Business Strategy and Development), Mohd Daneal Bin Abdul Halim (Senior Executive of Business Strategy and Development) dan Nur Adlina Binti Sanudin (Executive of Business Strategy and Development) sebagai penceramah dan fasilitator bagi taklimat program ini.

Atucara program bermula pada pukul 9.00 pagi dan taklimat Program Bina Kerjaya Madani dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Lee Xin Ying iaitu Senior Executive of Business Strategy and Development, Airasia Academy. Antara intipati taklimat yang disampaikan adalah berkenaan pengenalan Program Bina Madani. Menurut wakil daripada Airasia Academy ini, Program Bina Kerjaya Madani merupakan program inisiatif daripada Kerajaan di bawah Belanjawan 2023 yang bertujuan untuk memperkasakan pasaran buruh bagi meningkatkan potensi individu yang sedang bekerja di bawah Sektor Tidak Formal untuk memperoleh pekerjaan formal melalui program kemahiran secara Recognition of Prior Experiential Learning (RPEL), microcredentials atau latihan professional yang diiktiraf Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia serta badan peneraju industri seperti ACCA, BOE dan MIA.

Kumpulan sasaran bagi Program Bina Kerjaya Madani adalah pekerja gig atau Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah. Oleh demikian, pelajar UiTM CNS yang hadir ke taklimat layak menyertai program ini kerana mereka adalah kumpulan pelajar lepasan SPM yang mendaftar di UiTM CNS untuk sesi semester Oktober 2023. Pelajar UiTM CNS akan mendapat tiga kelebihan sekiranya menyertai program ini. Kelebihan tersebut adalah, pelajar akan memperolehi elaun wang tunai sejumlah RM900 serta Sijil Profesional selepas menamatkan kursus dan sepanjang kursus berlangsung pula, kemudahan makanan akan disediakan.



Di samping itu, wakil daripada Airasia academy ini turut memaklumkan manfaat lain yang akan diperolehi pelajar UiTM CNS menerusi program ini. Antaranya adalah, memberi peluang kepada pelajar UiTM CNS mengasah kemahiran mereka menerusi Latihan Microcredentials atau Latihan Profesional dan meningkatkan potensi dalam kerjaya mereka.

Di akhir sesi taklimat program, pelajar UiTM CNS yang hadir diberi panduan dan tatacara oleh wakil-wakil daripada Airasia academy untuk melakukan proses pendaftaran Program Kerjaya Madani secara atas talian. Taklimat program ini selesai pada pukul 1.00 tengahari.

